

09 NOV 1999

PAS-Pecat

ANGGOTA PAS PERLU PUTUSKAN SAMA ADA PECAT NIK AZIZ ATAU FADZIL

LANGKAWI, 9 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata anggota Pas perlu memutuskan sama ada memecat Mursidul Am atau pemimpin tertinggi parti itu berikutan kenyataan bercanggah dua pemimpin berkenaan berhubung isu jawatan Perdana Menteri.

Katanya mereka perlu membuat pendirian itu sama ada memecat Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat atau Presiden Pas Datuk Fadzil Noor memandangkan pendirian kedua-duanya berhubung jawatan itu berbeza.

Jumaat lepas, Nik Abdul Aziz ketika membangkitkan isu itu berkata Pas tidak memaksa pemimpin DAP memeluk Islam terlebih dahulu untuk memegang jawatan itu manakala Fadzil pula tidak bersetuju dengan kenyataan itu.

"Saya fikir Allahyarham (Datuk) Asri (Haji Muda) telah meramalkan keadaan ini akan berlaku dan saya berharap mereka yang masih mempunyai ingatan manis tentang Asri supaya menyertai Umno dan Barisan Nasional", katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Urusetia Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan peringkat kementerian dan kerajaan negeri di sini.

Menjawab soalan lain, Sanusi berkata Pas kini mempunyai tiga pemimpin kerana Timbalan Presidennya Haji Abdul Hadi Awang juga tidak bersetuju dengan apa yang telah dipersetujui oleh Barisan Alternatif untuk menggugurkan cadangan penubuhan Kerajaan Islam (apabila barisan itu dapat memerintah).

"Setakat ini apa yang mereka boleh bersetuju dan tidak berbeza pendapat ialah untuk membawa Perlis keluar daripada Malaysia dan melelong Putrajaya jika mereka berkuasa", tambahnya.

Sanusi berkata terlalu banyak pembohongan yang dibuat oleh parti pembangkang sesama mereka termasuk membohongi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakyat.

"Pembohongan mereka kepada Anwar ialah menyetujui beliau menjadi Perdana Menteri kerana mereka tahu tak boleh memerintah", jelasnya.

Sanusi berkata kenyataan seperti itu menunjukkan mereka tak boleh menang dan jika demikian bagaimana mereka boleh menunaikan janji itu kepada Anwar dan ini sebenarnya satu pembohongan kepada penyokong dan orang yang simpati kepada Anwar kerana mengharapkan mereka memilih pembangkang.

PAS pula, katanya, seperti Nik Abdul Aziz pula berkata jawatan Perdana Menteri akan diberikan kepada bukan Melayu sebagai alasan untuk mencari sokongan daripada bukan Melayu sedangkan pihak lain mahu memberikan jawatan itu kepada Anwar.

"Mereka cuba menjadikan rakyat kelihatan bodoh. tapi sebenarnya rakyat bukan bodoh kerana mereka tahu (tentang perkara itu)", jelasnya.

Katanya semua orang tahu kerusi yang PAS fikir mereka mempunyai harapan untuk menang takkan diberi kepada Parti Keadilan Nasional dan begitu juga dengan DAP dan lain-lain.

Menjawab soalan lain, Sanusi berkata BN bergantung kepada penilaian rakyat terhadap rekod pencapaian cemerlang mereka selama 42 tahun memerintah negara.

Sanusi juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan meletakkan jawatan kerana langkah itu merupakan bonus kepada pembangkang yang mahu beliau meletakkan jawatan apabila keadaan ekonomi negara sudah pulih.

Katanya Dr Mahathir tidak akan membuat sesuatu perkara yang menggembirakan parti pembangkang.

-- BERNAMA

NH RHM